

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7 OCTOBER 2016

FORUM KEPIMPINAN MUSLIM DUNIA KETIGA

Bersatu perangi ekstremisme: Najib

BH-7/10/2016

→ Dunia Islam mesti amal konsep adil, telus dalam tadbir urus atasi kejahilan

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

■ Petaling Jaya

Datuk Seri Najib Razak berkata pemimpin Islam boleh mengubah persepsi negatif terhadap agama melalui tadbir urus yang adil dan telus.

Perdana Menteri berkata, tadbir urus yang baik boleh mewujudkan kepercayaan dalam kalangan rakyat dan apabila lebih banyak kepercayaan wujud, umat Islam mendapat peluang yang lebih hebat untuk memerangi kejahilan.

Serentak itu, Najib mengajak semua pemimpin Islam bersatu untuk menyekat sebarang bentuk keganasan yang mengaitkan

nama agama daripada terus merebak dengan kekuatan dan kesepaduan atas prinsip Islam sebenar.

“Salah satu cabaran besar pemimpin Islam adalah berhadapan puak ekstremisme yang menyalahgunakan nama Islam.

Pemimpin berintegriti

“Inilah tugas kita bukan sahaja untuk menangkis stereotaip ini, malah menghadapi puak pengganas dengan menjadi pemimpin bijaksana dan berintegriti,” katanya ketika merasmikan Forum Kepemimpinan Muslim Dunia Ketiga, di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Yang turut hadir Pengerusi Forum itu, Datuk Seri Mohamed Iqbal Rawther dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (ASLI), Tan Sri Dr Michael Yeoh.

Forum dua hari itu mulai kelmarin anjuran ASLI sebagai platform untuk bertukar pandangan antara masyarakat Islam dan bukan Islam.

Ia disertai 15 negara bagi mempromosi kepemimpinan dan sistem tadbir urus yang baik dalam dunia Islam demi keamanan, keselamatan dan kekayaan.

Perdana Menteri berkata, negara Islam perlu memiliki pemimpin yang boleh menjadi contoh segenap kepercayaan agama dan kaum.

“Bagi seorang pemimpin yang

hebat, bukan sahaja mengecapi kejayaan peribadi, malah membantu orang lain untuk berjaya dalam pelbagai bidang,” katanya.

Konsep wasatiyyah

Sementara itu, Asyraf Wajdi pada sidang media berkata, Malaysia menerajui model negara Islam berasaskan prinsip dan konsep wasatiyyah atau kesederhanaan.

Katanya, prinsip berkenaan sebenarnya menjadi tema penting sejak 1,300 tahun lalu, iaitu Islam yang bersifat ketamadunan bukannya bersandarkan politik.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia mengambil pendekatan itu untuk mengamalkan Islam secara seimbang, tidak bersikap ekstrem kepada keganasan atau liberal yang menolak agama.